

**Dewan Rakyat: Anggota Parlimen Cabar DAP Cadang Singapura Mansuh ISA  
Bernama  
16 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 16 April (Bernama) -- Beberapa anggota Parlimen hari ini mencabar kepimpinan DAP supaya mencadangkan kepada kerajaan Singapura memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri di negara berkenaan seperti Malaysia.

Datuk Ibrahim Ali (Bebas-Pasir Mas) mahu Lim Guan Eng (DAP-Bagan) yang juga Setiausaha Agung DAP membuat kenyataan terbuka mendesak Singapura memansuhkan ISA yang masih berkuatkuasa di republik itu.

"Semua orang tahu, (Anggota Parlimen) Bagan (Lim Guan Eng) pun tahu sehingga kini Singapura masih belum mansuhkan ISA. Oleh itu saya cabar DAP buat kenyataan terbuka desak Singapura memansuhkan ISA seperti mana Malaysia," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 di Dewan Rakyat hari ini.

Ibrahim berkata hakikatnya, ISA telah berjaya mengekalkan keamanan di negara itu.

Katanya kerajaan Barisan Nasional (BN) juga tidak perlu meminta maaf kepada bekas tahanan ISA seperti yang didesak oleh Lim.

Datuk Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan) pula telah meminta Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) supaya menyatakan pendiriannya berhubung perkara yang sama.

Katanya negara memerlukan satu akta yang boleh menjaga keselamatan sebuah negara, keselamatan rakyat, orang awam dan sebagainya kerana negara yang tidak selamat, tidak akan boleh membangun atau maju.

"Kalau negara ini tidak selamat, pelabur tidak akan datang, sebab itu saya berterima kasih kepada pemerintah yang ada kerana berjaya menyediakan satu ruang lingkup keselamatan dan jaminan kepada semua pihak termasuk kepada pembangkang yang mendakwa negara kita tidak selamat, polis tidak boleh dipercayai, dan sebagainya," katanya.

Bung Mokhtar juga berkata beliau kesal kerana akhir-akhir ini, terdapat pemimpin pembangkang yang tidak memandang serius terhadap raja-raja Melayu di negara ini.

Katanya walaupun segelintir, tetapi beliau meminta kerajaan supaya menggunakan apa juga akta yang ada untuk menyiasat mana-mana pemimpin dalam pembangkang atau mana-mana organisasi yang mempunyai unsur-unsur yang menghina kesultanan raja.

Datuk Lilah Yassin (BN-Jempol) yang turut bersetuju dengan cadangan Bung Mokhtar, berkata telah berlaku lagi penghinaan terhadap raja-raja Melayu berdasarkan apa yang telah disebut oleh mereka yang hadir di Istana Negara baru-baru ini.

"Apakah Yang Berhormat (BN-Kinabatangan) ingin menyebut dalam ucapan mendesak kerajaan supaya menubuhkan suruhanjaya khas untuk menyiasat perkara ini supaya kita

mengambil tindakan untuk menyasat kesahihannya.

"Jika betul ia berlaku, rakyat mahu dan menuntut tindakan sewajarnya diambil oleh pihak berkuasa," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659460>